

na Dinesh-Raj adalah pemakai talipinggang hitam dalam taekwan-do selama dua setengah tahun dengan salah sebuah kelab tempatan.

Berhasrat

Dinesh-Raj, yang mahu melanjutkan pengajiannya ke Maktab Rendah Anderson, berhasrat hendak meneruskan pelajaran seni silat sebagai tambahan ilmu mempertahankan diri.

Seorang lagi bekas pelajar Sekolah Menengah Mayflower ialah Chong Keng Shin, 16 tahun. Gerak laku permainan silat yang ditontonnya di kaca televisyen selalu menarik perhatiannya.

Katanya: "Pada mulanya saya menyangka seni silat hanya merupakan gerak-gerak perlahan dan bunga-bunga langkah seperti orang menari.

"Ini menarik perhatian saya untuk mengetahui dengan lebih dekat dan mendalam. Seperti Dinesh-Raj, saya juga mendekati Cik Gu



• **DINESH-RAJ**
Ingin tahu budaya Melayu

Dzulkarnain dan meminta beliau mengajar saya setelah mendapat tahu bahawa silat adalah satu daripada kegiatan-kegiatan tambahan orang-orang Melayu.



• **CHONG KENG SHIN**
Permainan silat di TV tarik perhatiannya

Baginya, silat adalah seni pertahanan diri yang pertama dipelajarinya.

Begitu juga dengan Ong Chee Wee, 19 tahun, beliau belajar seni silat terlebih dulu sebelum mempelajari



• **ONG CHEE WEE**
Belajar silat tidak sukar

"Melalui silat saya menyedari bahawa ia membentuk peribadi seseorang dan dapat menjalin hubungan persaudaraan yang lebih rapat tanpa mengenali bangsa."

taekwon-do awal tahun ini.

Ong mengenali Encik Dzulkarnain di Pusat Pasukan Kadet Kebangsaan (NCC) Udara. Beliau adalah seorang yang bergiat cergas dalam beberapa kegiatan riadah yang lain.

Jadi, belajar seni silat tidak kelihatan sukar. Beliau sependapat dengan rakan-rakan yang lain bahawa hanya pada ketika tertentu saja gerak-gerak silat memerlukan tenaga yang lebih pantas.

Pemikiran

Sementara itu, Encik Dzulkarnain memberitahu bahawa tanjak menggantikan sijil kerana dalam majlis itu tanjak dipakai di kepala dan ia melambangkan ketinggian hati budi dan akal pemikiran.

Menurutnya, dalam istiadat Melayu, biasanya sepasang persalinan yang lengkap diberikan oleh raja apabila seseorang diangkat menjadi pahlawan.



• **ENCIK DZULKARNAIN**
Tidak mahu seni silat terkubur

Perluas seni silat Gayung Sendeng Belalang

USAHA mengembangkan seni silat Gayung Sendeng Belalang berputik dalam 1982 dengan tekad tidak mahu seni itu terkubur ditelan zaman.

Lalu, Encik Dzulkarnain Noordin mengumpulkan rakan-rakan dan bekas pesilat-pesilat yang pernah seperguruan dengan beliau dan mengusulkan cita-citanya itu kepada mereka.

Sejak itu, beliau dan rakan-rakannya mula berusaha mendaftarkan seni itu dengan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dan juga Unit Seni Mempertahankan Diri (Macu).

Dalam pada itu, Encik Dzulkarnain belajar seni silat dengan Pak Sulong Bachok, seorang guru utama silat Sendeng Belalang.

Tetapi pada masa Pak Sulong mengembangkan seni silat dalam 1950-1970-an, seni yang dibawanya itu dikenali dengan nama Silat Gayung.

Pak Sulong juga, menu-rut Encik Dzulkarnain, mengajar silat Sendeng Belalang dan gabungan silat Gayung dan Sendeng Belalang yang dinamakan seni silat Selayang Pandang.

Encik Dzulkarnain pula mula belajar seni silat dalam 1968, ketika berusia 10 tahun, di Balai Rakyat Kaki Bukit.

Pada 25 September 1973, beliau diberikan ijazah taraf wakil guru Selayang Hitam Ketiga di ibu pejabat perguruan beliau di Balai Rakyat Kampong Kembangan.

"Sekarang saya sedang memimpin seni persilatan Gayung Sendeng Belalang atau Perkumpulan Selayang Pandang. Dengan pengalaman dan sokongan beberapa orang guru dan rakan sepersilatan, diha-rap usaha saya untuk mengembangkan seni ini akan berjaya," katanya.